

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan ibu dan bapa tunggal sehingga kini mengikut pecahan negeri, umur, jantina, etnik dan sebab mengapa mereka dalam keadaan ini serta apakah usaha Kerajaan untuk membantu mereka dan anak-anak mereka dalam menangani kos sara hidup yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) yang merupakan satu program yang disusun semula dengan memberi fokus kepada Pembangunan Kapasiti dan Peningkatan Kesejahteraan Wanita. Melalui penyusunan semula fokus, adalah diharapkan ia dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada wanita termasuklah ibu tunggal terutama dalam menambah pendapatan. Pelaksanaan Program PACBE dibahagikan kepada 3 bidang utama iaitu:

- i) Bidang **Community-Based Enterprise (CBE)** untuk aspek peningkatan kemahiran;
- ii) Bidang **Psiko-pendidikan (substentif)** untuk aspek pembangunan pendidikan sosial; dan
- iii) Bidang **Pengupayaan (empowerment)** untuk aspek pembangunan keupayaan.

PACBE ini dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan wanita dan 30% ibu tunggal yang berdaftar dalam Sistem iWanita. Pada tahun 2018, sebanyak 648 PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta. Sehingga 30 September 2019, sebanyak 521 PACBE dilaksanakan melibatkan seramai 9,131 orang peserta yang turut merangkumi ibu tunggal.

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah merekodkan pendaftaran ibu tunggal di dalam Sistem iWanita secara sukarela oleh ibu tunggal yang mengikuti program di bawah JPW. Statistik ibu tunggal dalam Sistem iWanita dari 2012-2018 adalah seramai 78,805 orang. Walau bagaimanapun, statistik ini tidak menggambarkan keseluruhan jumlah ibu tunggal di Malaysia. Pecahan statistik ibu tunggal mengikut negeri, umur dan etnik adalah seperti di jadual 1 dan 2.

SOALAN NO. : 476

Negeri	Tahun 2012-2018							Jumlah Keseluruhan	Peratus (%)
	Melayu	Cina	India	Pribumi Semenanjung	Pribumi Sabah	Pribumi Sarawak	Lain-lain		
Johor	6401	807	677	0	8	12	38	7943	10.07
Kedah	3097	262	464	0	1	4	29	3857	4.89
Kelantan	3133	49	8	0	1	1	11	3203	4.06
Melaka	2732	457	459	0	1	4	23	3676	4.66
Negeri Sembilan	3054	551	1140	0	1	4	61	4811	6.10
Pahang	2055	245	301	0	3	0	78	2682	3.40
Pulau Pinang	3024	543	655	0	0	2	21	4245	5.38
Perak	3108	584	1423	0	2	1	63	5181	6.57
Perlis	2244	117	29	0	0	1	55	2446	3.10
Selangor	9177	1469	4016	21	23	15	92	14813	18.79
Terengganu	12389	154	13	0	1	1	7	12565	15.94
Sabah	108	370	1	0	4397	11	583	5470	6.94
Sarawak	1468	758	7	0	3	1447	502	4185	5.31
W.P Kuala Lumpur	1794	543	1061	0	12	2	26	3438	4.36
W.P Labuan	116	42	4	0	32	6	14	214	0.27
W.P Putrajaya	74	0	1	0	1	0	0	76	0.09
Jumlah Keseluruhan	53974	6951	10259	21	4486	1511	1603	78,805	100.00

Jadual 1: Statistik ibu tunggal mengikut pecahan negeri dan etnik dari tahun 2012-2018

SOALAN NO. : 476

Umur (Tahun)	Tahun							Jumlah Keseluruhan	Peratus (%)
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018		
10-14	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00
15-19	0	39	3	3	6	0	0	51	0.06
20-24	8	399	53	45	39	19	2	565	0.71
25-29	32	1582	173	143	156	51	20	2157	2.73
30-34	42	3553	338	229	213	92	30	4497	5.71
35-39	48	5996	435	284	177	73	29	7042	8.93
40-44	31	7453	571	289	146	72	17	8579	10.88
45-49	20	7256	795	253	192	82	27	8625	10.94
50-54	20	6496	986	288	114	75	11	7990	10.14
55-59	16	5502	1256	187	60	77	3	7101	9.01
60-64	4	5691	1414	113	45	74	2	7343	9.32
65-69	1	5635	2566	59	24	58	0	8343	10.58
70-74	0	5772	997	39	9	40	0	6857	8.70
75-79	0	4755	866	16	11	44	0	5692	7.22
80-84	0	2764	381	4	1	22	0	3172	4.02
85-89	0	1321	139	0	0	3	0	1463	1.85
89+	1	604	59	0	0	11	0	675	0.85
Jumlah Keseluruhan	223	64818	11048	1953	1195	793	121	78,805	100.00

Jadual 2: Statistik ibu tunggal mengikut pecahan umur dari tahun 2012-2018

Berdasarkan statistik tersebut, negeri yang mempunyai paling ramai ibu tunggal yang berdaftar melalui JPW adalah negeri Selangor iaitu seramai 14,813 orang (18.79%). Statistik tersebut juga menunjukkan etnik Melayu adalah yang paling ramai dengan jumlah 53,974 orang (68.49%). Manakala bagi peringkat umur pula, jumlah ibu tunggal yang paling ramai mendaftar untuk menyertai program JPW adalah ibu tunggal yang berumur antara 40 hingga 49 tahun iaitu dengan jumlah seramai 8,625 orang (10.94%).

Walau bagaimanapun, statistik ibu tunggal ini hanyalah berdasarkan kepada pendaftaran secara sukarela oleh ibu-ibu tunggal yang berminat untuk menyertai program di bawah JPW sahaja. Ia tidak menunjukkan keseluruhan statistik ibu tunggal di Malaysia.

SOALAN NO. : 476

Oleh yang demikian, inisiatif program di bawah Kementerian memberi fokus kepada pembangunan kapasiti bagi membantu menjana pendapatan melalui peningkatan kemahiran, peluang keusahawanan dan perniagaan serta bagi menjamin kesejahteraan hidup golongan wanita termasuklah ibu tunggal.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga turut melaksanakan program MamaCare, iaitu perkhidmatan penjagaan selepas bersalin yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan, bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak dari golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui latihan kapasiti MamaCare. Pada tahun 2018, seramai 20 orang peserta yang terlibat manakala sehingga 30 September 2019, seramai 140 peserta telah terlibat dalam program ini termasuk ibu tunggal.

Di samping itu, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan seperti Skim Bantuan Kanak-kanak, iaitu dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sebulan yang dipertimbangkan kepada keluarga miskin atau ibu / bapa tunggal yang menjaga anak-anak mereka. Skim ini membantu meringankan beban keluarga miskin atau ibu bapa tunggal buat sementara waktu sehingga kumpulan sasaran ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari.

Kementerian juga telah memperkenalkan Program Caruman Sukarela Insentif Suri atau i-Suri khas untuk golongan wanita termasuk ibu tunggal bagi membantu meningkatkan simpanan suri rumah di hari tua. Sehingga 15 September 2019, seramai 98,619 peserta telah memperoleh manfaat daripada program bantuan bersasar ini, iaitu mendapat insentif khas berjumlah RM40 sebulan atau RM480 setahun.